



LEMBAGA PELABUHAN KELANG

Beg Berkunci 202, Jalan Pelabuhan Utara, 42005 Port Klang, Selangor

Tel: 03-3168 8211 Fax: 03-3168 8228

KENYATAAN AKHBAR

8 JUN 2023 (KHAMIS)

LEMBAGA PELABUHAN KELANG MEMPEROLEH SISTEM PERSIJILAN PENGURUSAN ANTI RASUAH DAN BERUSAHA UNTUK BEKERJASAMA DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN UNTUK MEMBANTERAS RASUAH DALAM INDUSTRI MARITIM

PELABUHAN KLANG, 8 JUN, 2023 - Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) telah mencatatkan kejayaan yang bermakna dalam memerangi rasuah di dalam industri maritim dengan penganugerahan Sijil Pematuhan untuk Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) ISO 37001:2016. Ini menandakan satu langkah yang penting ke arah membasmi rasuah dan memupuk budaya integriti, ketelusan dan amanah dalam pelabuhan Malaysia yang merupakan laluan utama dan nadi bagi perdagangan dan ekonomi negara.

Pensijilan ISO 37001:2016 ABMS mengiktiraf komitmen LPK untuk mencegah, mengesan dan menangani kes rasuah. Ia menunjukkan dedikasi kami untuk menjalankan operasi pada tahap integriti yang tertinggi serta mengukuhkan ikrar kami untuk menyediakan perkhidmatan yang efisien dan telus kepada pihak berkepentingan dalam sektor maritim dan logistik. Pencapaian LPK menetapkan penanda aras untuk diikuti oleh pihak berkuasa pelabuhan dan pemain industri lain, di samping saling bekerjasama untuk memerangi rasuah dan meningkatkan reputasi industri maritim.

Dalam majlis tersebut, pihak LPK menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan beberapa agensi kerajaan yang bertanggungjawab bagi pelepasan kapal dan kargo di pelabuhan, operator terminal dan pemain industri bagi mengukuhkan kerjasama dengan pihak berkepentingan dalam membanteras rasuah. MoU tersebut menggariskan komitmen penandatanganan untuk bekerjasama, berkongsi maklumat, pengetahuan, kepakaran dan kebijaksanaan selain menjalankan siasatan bersama untuk memerangi amalan rasuah dalam industri maritim.

Terdapat pihak di antara penandatanganan yang terlibat telah menerima sijil pematuhan ABMS, dan mereka juga bersetuju untuk bekerjasama dalam menggalakkan advokasi dan kesedaran serta pelaporan kes rasuah dan salah guna kuasa kepada pihak berkuasa dengan dasar perlindungan yang jelas kepada pemberi maklumat.

Pihak berkepentingan daripada agensi kerajaan ialah Jabatan Laut Malaysia dan Pejabat Kesihatan Pelabuhan Klang. Northport (Malaysia) Bhd, Westports Malaysia Sdn Bhd dan Port Klang Free Zone (PKFZ) sebagai pengendali terminal dan zon bebas turut mengambil bahagian bersama dengan beberapa persatuan yang mewakili pengguna pelabuhan iaitu Persatuan Perkapalan Malaysia, Persatuan Pemilik Kapal Malaysia, Persatuan Perkapalan Wilayah Tengah, Persatuan Ejen-Ejen Penghantaran & Logistik Selangor, Persatuan Perkhidmaran Penghantaran Malaysia dan Persatuan Haulier Malaysia menggariskan kerjasama awam swasta yang kukuh.

Majlis ini telah dirasmikan dan disaksikan oleh YB. Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan bersama YBhg. Dato' Razali Bin Mohamad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Pengangkutan, YBhg. Dato' Indera Junipah binti Wandu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, YBhg. Dato' Indera Dr. Hj Ahmad Sabirin Arshad, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Sirim Berhad dan Kapt. K. Subramaniam, Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Kelang. Para tetamu yang terlibat terdiri daripada pegawai kanan dan wakil daripada agensi kerajaan, syarikat perkapalan domestik dan antarabangsa, syarikat penghantaran barang, operator logistik serta pengeksport dan pengimport.

Berucap pada majlis itu, YB Loke Siew Fook menekankan peranan penting industri maritim dalam memartabatkan ekonomi Malaysia dan keperluan industri tersebut dalam menghapuskan amalan yang menyalahi undang-undang. Beliau turut menekankan kepentingan kerjasama antara sektor awam dan swasta untuk memerangi rasuah secara berkesan dan meningkatkan tahap keyakinan pelabur antarabangsa. Beliau seterusnya menambah bahawa sebagai ahli majlis Pertubuhan Maritim Antarabangsa, adalah menjadi tanggungjawab Malaysia untuk membawa perubahan positif kepada industri maritim di peringkat serantau dan global.

.....TAMAT.....